

Serahkan Misuari tindakan betul — TPM

UM 7 5 NOV 2001

Oleh NAZERI NONG SAMAH

KOTA KINABALU 24 Nov. — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yakin Malaysia bertindak pada landasan yang betul apabila bersedia untuk menyerahkan Gabenor Wilayah Autonomi *Islam* Mindanao, Nur Misuari kepada kerajaan Filipina.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan Malaysia kekal dengan semangat ASEAN yang tidak campur tangan dalam urusan dalaman negara-negara anggota, selain tidak menjadi pelindung mana-mana individu yang bermasalah dengan negara terbabit.

“Kerana semangat kerjasama ASEAN, kita akan serahkan Misuari kepada kerajaan Filipina dan tindakan ini adalah mengikut undang-undang.

“Lagipun dia (Misuari) masuk ke negara ini secara haram dan kebetulan

dia dikehendaki oleh kerajaan negaranya, jadi kalau kita simpan dia, kita akan dituduh campur tangan dan melindungi orang yang melakukan kesalahan besar,” tegasnya.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri menyatakan demikian pada sidang akhbar selepas mengadakan pertemuan dengan semua Ketua Bahagian UMNO Sabah di Hotel Magellan Sutura, di sini malam ini.

Hadir sama ialah Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Sabah, Datuk Musa Aman.

Abdullah diminta mengulas laporan mengenai penangkapan Misuari oleh polis Malaysia bersama enam pengikutnya di Pulau Januiras, di nerairan Sandakan kerana memasuki negara ini secara haram pada awal hari ini.

Katanya, keputusan untuk menyerahkan Misuari kepada Filipina adalah selaras dengan kenyataan Perdana

Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bahawa Malaysia tidak bersedia untuk memberi perlindungan politik kepada Misuari.

Sementara itu, Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai di Kuala Lumpur berkata, polis akan berusaha untuk menyerahkan Misuari kepada kerajaan Filipina secepat mungkin.

Misuari dan pengikutnya yang melarikan diri dari buruan tentera Filipina itu dipercayai berusaha untuk mendapatkan suaka politik di Malaysia.

Misuari mengisytiharkan perang kepada kerajaan Filipina pada 19 November lalu kerana kecewa dengan tindakan Manila yang menghalangnya untuk mempertahankan jawatan sebagai Gabenor Wilayah Autonomi Islam Mindanao (ARMM).